

**MASA DEPAN UMNO**  
**Chedet.co.cc**  
**June 12, 2008**  
**By Dr. Mahathir Mohamad**

1. Pada Pilihanraya Umum 2008 sesuatu yang tidak pernah berlaku dalam Pilihanraya Umum sebelumnya telah berlaku. Sebilangan yang tidak kecil daripada ahli dan penyokong biasa UMNO telah undi parti lawan atau merosakkan undi atau tidak mengundi.
2. Hasilnya Barisan Nasional telah kalah di lima buah negeri dan satu wilayah. Di lain-lain negeri di Semenanjung kemenangan Barisan Nasional adalah tipis. Walaupun Barisan Nasional menang di peringkat pusat tetapi gagal mendapat dua pertiga daripada kerusi Dewan Rakyat seperti yang biasa dimenangi sejak merdeka oleh Perikatan dan Barisan Nasional.
3. Umum akui bahawa ada mesej yang hendak dihantar kepada Barisan Nasional dan pemimpinnya oleh pengundi. Tetapi hingga sekarang ternampak jelas bahawa pemimpin Barisan Nasional terutama Presiden UMNO dan Pengerusi Barisan Nasional, tidak dapat memahami mesej yang dihantar atau tidak tahu mentafsir mesej berkenaan.
4. Ini sudah tentu mengecewakan mereka daripada ahli UMNO terutamanya yang dengan hati yang sedih dan tangan yang menggeletar mengundi parti lawan. Tetapi kekecewaan ini tidak terhad kepada mereka sahaja. Kekalahan UMNO yang teruk telah mempengaruhi ramai orang Melayu yang lain. Dan sikap baru di kalangan orang Melayu ini akan menghakiskan lagi sokongan kepada UMNO.
5. Hari ini orang Melayu terbahagi kepada empat kelompok.
6. Yang pertama ialah mereka yang akan bersama UMNO walau apapun yang terjadi kepada UMNO atau negara. Golongan ini adalah yang terbesar dalam UMNO dan sokongan mereka menyakinkan pimpinan UMNO bahawa mereka selamat dan UMNO selamat.
7. Kumpulan kedua ialah mereka yang pada Pilihanraya Umum ke 12 telah undi parti lawan atau merosakkan undi atau tidak mengundi.
8. Kumpulan ini terkejut dengan hasil tindakan mereka. Mungkin ada yang menyesal. Tetapi lebih ramai daripada mereka yang kecewa dan semakin marah kerana “pengorbanan” mereka tidak mendatangkan hasil yang di harapkan.
9. Kumpulan ini akan berusaha menyampaikan mesej yang lebih keras. Jika tidak juga di hirau mesej mereka, sikap mereka akan diperlihatkan pada Pilihanraya Umum ke 13 dengan mengundi parti lawan terus.
10. Kumpulan ketiga ialah mereka yang telah undi parti UMNO tetapi kecewa dengan sikap pemimpin yang tidak mahu bertanggungjawab terhadap kekalahan parti, yang menafi parti kalah, yang menyalahkan orang lain, yang tidak mahu mendengar pendapat ahli, tidak membenarkan ahli mengkritik, tidak benar-benar mendengar pendapat orang lain, yang tidak mahu membenarkan pindaan kepada kuota, yang larang EGM

*(Extraordinary General Meeting)*, yang sering berkata ekonomi kukuh dan baik sedangkan rakyat menderita, yang kata inflasi hanya 5% sedangkan harga minyak naik 40%, harga ayam 100%, harga beras sekali ganda dan lain-lain lagi, yang semuanya jauh lebih mahal dari 5%. Mereka bosan dengan kenyataan-kenyataan pemimpin yang mendakwa benda yang tidak benar berkali-kali.

11. Mereka ini sudah tidak lagi berminat untuk menyokong UMNO dalam pilihanraya.

12. Pemimpin UMNO tidak dapat mengenali mereka kerana mereka tidak memperdengarkan rintihan mereka dan mereka bukan ahli Jawatankuasa Cawangan atau Bahagian yang sering mencium tangan pemimpin, yang boleh di arah oleh pemimpin.

13. Seperti kumpulan yang telah undi parti lawan dalam Pilihanraya ke 12, mereka berdiam tetapi akan bertindak di Pilihanraya Umum ke 13 dengan tidak mengundi UMNO atau tidak mengundi langsung atau rosakkan undi.

14. Kumpulan keempat adalah golongan muda dan yang berpelajaran termasuk ahli professional. Kebanyakan mereka ini bukan ahli UMNO dan bosan dengan UMNO. Mereka berpendapat samada UMNO tidak relevan atau UMNO adalah kumpulan pengampu yang hanya ingin mendapat sesuatu bagi diri mereka, justeru itu tidak ikhlas walaupun semasa cium tangan.

15. Ramai mereka ini berpendapat UMNO adalah parti perkauman yang sudah tidak berguna lagi. Malaysia adalah hak semua rakyat berbilang kaum Malaysia. Justeru itu tidak mengapa jika mereka pilih parti pelbagai kaum walaupun ternampak jelas yang parti-parti ini sebenarnya diperalatkan oleh kaum tertentu.

16. Kumpulan (2), (3) dan (4) mungkin tidak sebesar kumpulan (1) jumlahnya tetapi mereka menjadi kumpulan penentu. Dalam pilihanraya kemenangan atau kekalahan di sebabkan oleh sebilangan yang kecil sahaja daripada pengundi. Jumlah pengundi mungkin besar tetapi perbezaan antara yang menang dengan yang kalah biasanya tidak sampai pun 5% daripada jumlah pengundi yang mengundi.

17. Jika jumlah kumpulan (2), (3) dan (4) hanya 5% daripada jumlah pengundi dan mereka tidak mengundi parti yang menang dahulu, parti itu akan kalah. Jika mereka memberi undi mereka kepada parti lawan, parti berkenaan tetap akan menang.

18. Dalam Pilihanraya Umum ke 12 kelebihan undi pada Barisan Nasional amat kecil peratusannya. Jika kumpulan (2), (3) dan (4) tarik keluar hanya sedikit sahaja daripada undi mereka jika mereka beri kepada parti lawan, Barisan Nasional tetap kalah.

19. Jika tidak ada usaha untuk menawan hati kumpulan (2), (3) dan (4) Barisan Nasional tetap akan kalah pada Pilihanraya Umum ke 13.

20. Pemimpin Barisan Nasional, terutama Pengerusi Barisan Nasional, dan Presiden UMNO boleh berseronok sekarang dan bermegah-megah dengan apa yang dipercayai sebagai sokongan tidak berbelahbagi dan cium tangan ahli-ahli UMNO. Tetapi

ingatlah ramalan untuk sapu bersih semua negeri dan memenangi 2/3 Parlimen Pilihanraya Umum ke 12 sebenarnya adalah khayalan, penipuan diri kerana asyik dengan sandiwara-sandiwara yang diadakan oleh mereka yang hanya ingin membodek pemimpin.

21. Ingatlah apabila UMNO tidak relevan lagi dan hancur berkecai, orang Melayu dahulu, sekarang dan yang akan datang akan kutuk mereka yang kerana kepentingan diri, kerana takut, kerana tamak telah menghancurkan UMNO yang mereka sayangi.

## 11 Comments

1. *kasturi bukit enterprise*

November 2, 2008 at 4:07 am | [Permalink](#)

Ingatlah apabila UMNO tidak relevan lagi dan hancur berkecai, orang Melayu dahulu, sekarang dan yang akan datang akan kutuk mereka yang kerana kepentingan diri, kerana takut, kerana tamak telah menghancurkan UMNO yang mereka sayangi.

YANG NI MEMANG SAYA SOKONG HABIS.....

INSPIRASI TAMING SARI BAGI SAYA TUAHSIJEBAT...

2. *[Mohd ismail](#)*

July 19, 2008 at 11:38 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,

You are the best..... HIDUP TUN, HIDUP TUN, HIDUP TUN.....

Semoga ALLAH akan sentiasa merahmati kita semua.....

3. *karlor~hiuno*

June 26, 2008 at 1:31 pm | [Permalink](#)

Ke Makam Bonda

Oleh Usman Awang (Tongkat Warran)

Kami mengunjungi pusara bonda,

Sunyi pagi disinari suria,

Wangi berseri puspa kemboja,

Menyambut kami mewakili bonda.

Tegak kami di makam sepi,  
Lalang-lalang tinggi berdiri,  
Dua nisan terkapar mati,  
Hanya papan dimakan bumi.  
Dalam kenangan kami melihat,  
Mesra kasih bonda menatap,  
Sedang lena dalam rahap,  
Dua tangan kaku berdakap.  
Bibir bonda bersih lesu,  
Pernah dulu mengucupi dahiku,  
Kini kurasakan kasihnya lagi,  
Meski jauh dibatasi bumi.  
Nisan batu kami tegakkan,  
Tiada lagi lalang memanjang,  
Ada doa kami pohonkan,  
Air mawar kami siramkan.  
Senyum kemboja menghantar kami,  
Meninggalkan makam sepi sendiri,  
Damailah bonda dalam pengabdian,  
Insan kerdil mengadap Tuhan.  
Begitulah bakti kami berikan,  
Tiada sama bonda melahirkan,  
Kasih bonda tiada sempadan,  
Kemuncak murni kemuliaan insan.

4. *karlor~hiuno*

June 26, 2008 at 1:25 pm | [Permalink](#)

ERTI KEMERDEKAAN-DR MAHATHIR MOHAMAD  
PUISI PATRIOTIK 2000  
ERTI KEMERDEKAAN  
Dan jatuhnya hanya beberapa hari  
lalu terbelunggu 400 tahun  
suatu tempoh yang amat payah dan panjang  
pengabdian dan kehilangan yakin diri  
43 tahun kita berdiri menebus maruah  
merdeka mentafsir diri sendiri dan bangga pada apa yang ada  
masih mahukan harga itu diperjudikan?  
Kita tidak akan mempertaruhkan nasib itu  
di tangan kita masih panas  
keringat, tulang belulang dan tenaga fikir  
menghayun langkah membina wawasan  
waspada harimau di matahari terbenam  
tidak akan hilang belangnya  
mengisytiharkan dirinya yam tuan tunggal sejagat  
yang lemah longlai  
yang gagah gergasi

akan meruntuhkan segala sempadan rimba  
atas nama membina perkampungan dunia  
mahukah kita biarkan  
mereka menginjak-injak dan menghancurkan taman kecil permai ini?  
Rimba tanpa sempadan  
atas nama "kebaikan" menyelinap menusuk matafikir  
hidupan dunia ketiga terpaku takjub dengan slogan  
"kasih alam"  
ketelusan hukum  
keadilan timbangan  
kesatuan warga dunia  
kebebasan mutlak™  
lalu beraraklah anak-anak bumi ini meraikan kesatuan alam  
dengan sorak sorai  
"runtuhkan sempadan!"  
runtuhkan sempadan!  
runtuhkan korupsi  
runtuhkan kolisi™  
dan di belakang mereka tidak melihat  
bayang-bayang belenggu halimunan  
yang lebih ganas daripada segala yang ganas  
kita pun akan kehilangan harga dan erti diri  
mengapa diundang mereka  
dan mereka tiba-tiba berada di depan pintu rumah kita?  
Kita telah bangun dengan segala kepayahan  
membuka belantara dan mempertahankan warisan  
kita tafsir merdeka mengikut acuan sendiri  
merdeka kita dengan fikiran  
dan kita pertahankannya dengan fikiran  
dunia sudah melihat kita  
dunia sudah menghormati kita  
Timur dan Selatan mengharapkan kita  
mereka datang berbondong-bondong mencari bumi ini  
perlindungan dan erti hidup  
mengapa kita sendiri masih belum mahu melihat  
dengan tangan masih terbelenggu ke belakang  
dan hanya sesekali menjulangnya  
mengikut rentak genderang dunia matahari terbenam?  
Bijak pandai pernah berpesan  
"mereka yang tidak belajar dari sejarah mereka didera  
dengan mengulangi kesalahan-kesalahan mereka berkali-kali"™  
sejarah mengajar kita betapa kukuh sesuatu bangsa  
akan tetap kecundang bila ditikam dari belakang  
mengapa kita mula halalkan sejarah hitam berulang?  
Nasib kita genggam  
dengan tangan sendiri dan segala kudrat kurniaan  
kita jalin kekuatan sulaman kasih bangsa  
kita didihkan dia dengan tradisi semangat juang  
maruah bangsa kita julang ke mercu alam  
kita bangunkan suatu tamadun cinta damai

di sini kita ajar anak-anak kita erti sayang  
di sini kita tawarkan dunia menaja kemanusiaan  
dan bukan alat peperangan  
dunia belajar erti merdeka sejati  
mempelajari dan menerima segala perbezaan  
merdeka menafsir hidup tanpa paksaan kuasa  
Di sini kita yakin segalanya boleh  
Di sini kita yakin segalanya boleh  
Itulah erti kemerdekaan  
Perjuangan ini mesti diteruskan.  
DR. MAHATHIR MOHAMAD  
mymail: [satmemory@yahoo.com](mailto:satmemory@yahoo.com)

5. *karlor~hiuno*

June 26, 2008 at 1:18 pm | [Permalink](#)

Melayu Mudah Lupa  
Dibacakan oleh  
Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad  
di akhir ucapan penggulungannya  
pada Perhimpunan Agung UMNO  
di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 23 Jun, 2001.  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya dipijak  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya retak  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya teriak  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya haprak  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya kelas dua  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya hina  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya sengketa  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya derita  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya kerdil  
Melayu mudah lupa  
Dulu bangsanya terpercil  
Melayu mudah lupa  
Tiada daulat  
Tiada maruah

Tiada bebas  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Melayu mudah lupa  
Sejarah bangsanya yang lena  
Tanah lahirnya yang merekah berdarah  
Ingatlah  
Ingatlah  
Ingatlah  
Wahai bangsaku  
Jangan mudah lupa lagi  
Kerana perjuanganmu belum selesai...

6. *Hookamania*

June 26, 2008 at 12:01 pm | [Permalink](#)

Salam sejahtera YAB Tun,  
Mungkin sebab tertarik dengan artikel dan pandangan YAB Tun selama ini, saya ingin meluahkan perkembangan politik yang diamati berdasarkan pengetahuan saya..  
Kemenangan besar yang diraih UMNO sebelum ini adalah kerana YAB Tun...  
Saya memangkah kerana sedih tidak dapat bersama memperjuangkan UMNO dan BN ketika zaman YAB Tun. Dan ramai lagi meluahkan pendapat bahawasanya kami memangkah pada Pilihanraya 2004 kerana YAB Tun telah meninggalkan pimpinan tersebut kepada Dato' Seri Abdullah sebagai menghormati sejarah gemilang pemimpin Negara.  
Pilihanraya 2008 saya tetap memperjuangkan UMNO dengan harapan yang satu. Melihat kalangan daripada pemimpin UMNO yang lain yang boleh untuk dijadikan sejarah gemilang pemimpin Negara berulang kembali.  
Walaupun YAB Tun telah keluar daripada parti, saya masih mengharapkan sejarah gemilang pemimpin Negara UMNO berulang kembali. Agar harapan saya tidak berkubur.....

7. *karlor~hiuno*

June 25, 2008 at 5:09 pm | [Permalink](#)

REEZEL MERICAN tikam belakang dato suhaimi ibrahim.  
dato suhaimi ni pun bukan lah baik sgt orgnya.tapi tak lah jahat juga. adatlah manusia. dia ni org anwar, reezel ni org khairy. TAPI KHAIRY N ANWAR NI PUN KONGSI ASPIRASI Y SAMA... tapi dlm politik ni baik ka, tak baik ka, semua sama... kan kita ni manusia y tak pernah lari dari kesilapan. bezanya org y mengisafi, org y mengulangi dan org y tak sedar2kan diri... islam melarang kita membenci sesama saudara. cuma benci pada perangai tak

pa... tu kena paham na.  
reezal n suhaimi ni sama dlm gpms. time tu suhaimi ni presiden. special la gpms ni coz penasihat n penaung nya hanya perdana menteri. suhaimi ni kira senior la... saya kiranya kenalan tak berapa rapat datuk suhaimi la. time pemilihan umno awal mellinium dulu tu, reezal still fresh. jadi s/u dato shahrizat. time tu suhaimi ni dok bawa reezal kesana kemari introduce n promote pada member2 dia. termasuk lah saya. tak pa lah...  
alih2 beberapa tahun lepas tu jadi krisis kepimpinan n rebut jawatan dlm gpms.. hmm hmm. paham lah. tak payah la saya cerita panjang.  
apa y reezal dah buat pd suhaimi, satu hari nanti dia juga akan merasa.. insyaAllah... dunia ni bulat.  
WHAT U GIVE , IS WHAT U GET.  
khairy, reezal, norza n d geng... masa anda akan tiba.  
VETEREN UMNO DAH BERPESAN, DLM POLITIK, KALAU CEPAT NAIK, CEPAT LAH TURUN & SEBALIKNYA. WALLAHUALAM...  
komen please.  
by the way, ni mail saya : [satmemory@yahoo.com](mailto:satmemory@yahoo.com)

8. *Mat\_Kilau*

June 24, 2008 at 12:43 pm | [Permalink](#)

YYBhg TUN,  
Semamangnya sejak kebelakangan ini media cetak dan elektronik arus perdana tidak lagi memaparkan slot pandangan rakyat atau orang ramai tentang sesuatu isu seperti dulu. Kalau dahulu kita akan dapat mendengar rintihan atau keluhan dan pendapat orang ramai mengenai sesuatu isu semasa tetapi kini ruang tersebut sudah diisi oleh wakil-wakil rakyat atau menteri-menteri untuk menyatakan sokongan mereka tentang sesuatu isu. Peluang ini memang tidak akan dilepaskan peluang oleh mereka-mereka yang cuba menonjolkan dan memberitahu "Orang atas" bahawa mereka adalah penyokong setia.  
Bimbang kalau dikatakan "kurang menyokong" atau berpihak condong ke arah bertentang dengan apa yang di sarankan, mereka ini akan cuba sedaya upaya memberi komen apabila diberi peluang. Dalam kegairahan ini ada juga yang "melalut, mengarut dan memberi gambaran TERUK" mengenai wakil-wakil rakyat atau menteri zaman sekarang. Sikap "Menjaga hati pemimpin melebihi hati rakyat" akan mengundang bencana kebencian rakyat yang kelak akan menghancurkan UMNO itu sendiri.  
Tidakkah mereka sedar bahawa jawatan yang dipegang itu ditentukan oleh rakyat melalui undi yang diberikan setiap kali pilihanraya diadakan. INGATLAH " Bahawa PEMIMPIN tidak boleh mengekalkan jawatan mereka tanpa SOKONGAN rakyat tetapi RAKYAT boleh mengekalkan mereka sebagai wakil rakyat walaupun tanpa sokongan PEMIMPIN.  
DEMOKRASI memberi kuasa PEMIMPIN kepada RAKYAT. Jika kamu melupakan PEMIMPIN di masa kini kelak PEMIMPIN akan lupa untuk melantik kamu sebagai PEMIMPIN di pilihanraya akan datang. SEDARLAH

WHO'S IN CHARGE DAN SIAPA PEMIMPIN KAMU SEBENARNYA.  
Semoga sihat dan dirahmati ALLAH selalu TUN bersama keluarga.

9. *rizalrotinan*

June 24, 2008 at 10:50 am | [Permalink](#)

Good Day Tun....

1. PEMERINTAHAN TUN VS PAK LAH

Perbezaan yang ketara dari segi membuat keputusan

Tun – Tegas dan berwawasan

Pak Lah – Dolak Dalik

DOLAK DALIK BREAKDOWN:(Hari ni ok besok dah lain cerita)

- Isu Jambatan
  - Isu Dakwat (pilihanraya)
  - Isu Tarikh pilihanraya
  - Isu Minyak tarikh kenaikan
  - Isu gaji 2 bulan sekali
  - Isu Subsidi untuk kenderaan 2000cc naik ke 3000cc
  - Isu minyak kepada orang luar (singapura & Thai)
  - Mungkin akan banyak lagi keputusan yang dolah dalih akan menyusun.
- Setelah lebih 100 hari pemerintahan BN, rasanya ibarat Christmas sudah tiba di mana Mr.Santa akan memberi apa jua permintaan anak kecil yang meringik inginkan satu satu benda idaman hati mereka.

Tetapi Mr.Santa dalam episod ini hanya pandai memberi kepada seseorang atau negeri yang bakal mengancam kedudukannya sebagai Mr.Santa no:1 di malaysia. Tapi hanya janji sahaja...setiap kali turun ke negeri tersebut bukan kecil-kecil pemberian, semua bermula dengan belion (figure).

Bagaimana agaknya sekiranya semua negeri di bawah pemerintahan MR.Santa ini bermasalah seperti di Sabah. Adakah Mr.Santa ini juga akan menabur janji berbelion belion pada negeri tersebut.

Wahai MB-MB Barisan....inilah masanya untuk anda anda semua bangun dan memasalahkan negeri anda supaya Mr.Santa akan turun dan menabur janji dan akan memperuntukkan berbelion belion kepada negeri anda.

Buatlah keputusan cepat sementara Mr.Santa tengah bermurah hati atau atas rasa playsave.....

Buat Tun.....

Walaupun semasa pemerintahan tun dulu isu pancung memancung orang bawahan tun di anggap STANDARD tapi saya tetap hormat dan respect tun kerana cara tun memancung mereka menggunakan pendekatan yang diplomasi dan bukan C.O.D (cash on delivery) seperti apa yang berlaku pada Dato Yong SAPP. Tabik Tun....

Cuma yang terkilan sikit....maaf ya Tun – Isu isu pancung tun dulu baru sekarang terkeluar pulak dah kena bayar pampasan sebagai ganti rugi....duit siapa yang mereka bayar pada mangsa-mangsa tun yek....

Masa tun set-up Putrajaya dulu ada ke dana untuk kes kes macam ini kalau belum atau tiada dana lagi saya rasa tun punya wawasan yang tun laungkan dulu ada kecacatan sedikit kerana tun tidak memikirkan apa akan berlaku

selepas tun bersara seperti sekarang.  
Orang yang tun hand over dulu ingatkan mr.yes boss rupa-rupa dah jadi  
Mr.Santa kesiannya tun sekarang.....tak per lah tun banyakkkan bersabarlah  
ya.....senang-senang dulu bersusah-susah kemudian.  
Saya tetep ucapkan syabas pada TUN DR.MAHATHIR

10. *absh*

June 23, 2008 at 7:44 pm | [Permalink](#)

Dear Dr,

Since you have touched on the many categories of Malays, I would like to touch on the many categories of UMNO members.

The first group is UMNO members who are loyal to the party. This group will support UMNO regardless who its leaders are. During good or bad times, their loyalty to UMNO is unquestionable. To them, the leaders can come and go but UMNO must remain forever. We know who they are!

The second group is UMNO members who are loyal to its leaders. They are in UMNO because they like the leaders. If the leaders leave UMNO, they will follow suit. If the leaders decide to destroy UMNO because of the power struggle within the party, they will execute the plan to the end. We know who they are!

The third group is UMNO members who join the party for financial gain. This group is never bothered about 'perjuangan UMNO'. As long as they continue getting government projects, they are happy to be in UMNO. The last few years, we saw many of them in UMNO. Of late, due to UMNO losing its strength and possible power transfer to the opposition, we don't see many of them anymore. Perhaps, these opportunists are making themselves comfortable in the opposition camp. We know who they are!

The forth group is UMNO members who join the party for personal gain. This group always think they are cleverer than the rest of UMNO members. Their ultimate objective is to become leaders in the party, hence the government. They think only they deserve to be wakil rakyat, exco and minister. They will do anything to ensure their personal ambition is achieved. We know who they are!

The fifth group is UMNO members who are neither loyal to the party nor the leaders, and neither for financial nor personal glory. They are in UMNO because they are asked to join in during recruitment drive and their yearly fees are paid for by someone. They never attend branch meeting, never get involved in party's activities and never bothered about what is happening in the party. We know who they are but they are way too many! It is very hard to predict who they vote for in the election. This group can make or break UMNO.

For the future of UMNO, current leadership must pay serious attention to all categories of UMNO members above.

To you Dr, keep on fighting for the betterment of the Malays and Malaysia.  
ABSH

11. *Jembalang Tanah*

June 23, 2008 at 5:17 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,

Sebagai orang yang berpengalaman luas dalam bidang politik tanah air, kami rakyat Malaysia bergantung penuh kepada Tun dari segi corak pentadbiran dan pemikiran, jika ada pilihanraya bagi mencari pemimpin negara, pasti kami akan mencalonkan semula Tun bagi menangani krisis ini.

Ramai mereka hanya pentingkan diri sendiri tetapi mengabaikan kami para pengundi @ penyokong mereka ini. Buat tatapan Tun, saya adalah kelompok ke 4, benar seperti apa yang Tun maklumkan....

PRU 13 akan merubah segalanya.... tampuk pemerintahan negara dan pengambilalihan kuasa sebenar suara rakyat akan berlaku. PM sekarang akan menerima impak yang sebenar atau KJ yang akan lari dulu untuk menyelamatkan RM nya....

Rakyat sudah celik mata, kaum Asli pun sudah pandai buat kira2, biar depa leka, kelak depa yang tak ada tanah pusaka. benarlah kata Tun, Melayu Mudah Lupa.... Jangan sampai tanah air yang kita pelihara ini dijajah oleh bangsa lain sudahlah... tak sanggup mengenang kembali jerit maung nenek moyang bertegang urat bermandi darah untuk mendapatkan kemerdekaan ini.

Source: <http://chedet.cc/blog/?p=37>

## 2 Comments

By Jembalang Tanah on [June 23, 2008 5:17 PM](#)

Salam Tun,

Sebagai orang yang berpengalaman luas dalam bidang politik tanah air, kami rakyat Malaysia bergantung penuh kepada Tun dari segi corak pentadbiran dan pemikiran, jika ada pilihanraya bagi mencari pemimpin negara, pasti kami akan mencalonkan semula Tun bagi menangani krisis ini.

Ramai mereka hanya pentingkan diri sendiri tetapi mengabaikan kami para pengundi @ penyokong mereka ini. Buat tatapan Tun, saya adalah kelompok ke 4, benar seperti apa yang Tun maklumkan....

PRU 13 akan merubah segalanya.... tampuk pemerintahan negara dan pengambilalihan kuasa sebenar suara rakyat akan berlaku. PM sekarang akan menerima impak yang sebenar atau KJ yang akan lari dulu untuk menyelamatkan RM nya....

Rakyat sudah celik mata, kaum Asli pun sudah pandai buat kira2, biar depa leka, kelak depa yang tak ada tanah pusaka. benarlah kata Tun, Melayu Mudah Lupa.... Jangan sampai tanah air yang kita pelihara ini dijajah oleh bangsa lain sudahlah... tak sanggup mengenang kembali jerit maung nenek moyang bertegang urat bermandi darah untuk mendapatkan kemerdekaan ini.

By absh on [June 23, 2008 7:44 PM](#)

Dear Dr,

Since you have touched on the many categories of Malays, I would like to touch on the many categories of UMNO members.

The first group is UMNO members who are loyal to the party. This group will support UMNO regardless who its leaders are. During good or bad times, their loyalty to UMNO is unquestionable. To them, the leaders can come and go but UMNO must remain forever. We know who they are!

The second group is UMNO members who are loyal to its leaders. They are in UMNO because they like the leaders. If the leaders leave UMNO, they will follow suit. If the leaders decide to destroy UMNO because of the power struggle within the party, they will execute the plan to the end. We know who they are!

The third group is UMNO members who join the party for financial gain. This group is never bothered about 'perjuangan UMNO'. As long as they continue getting government projects, they are happy to be in UMNO. The last few years, we saw many of them in UMNO. Of late, due to UMNO losing its strength and possible power transfer to the opposition, we don't see many of them anymore. Perhaps, these opportunists are making themselves comfortable in the opposition camp. We know who they are!

The fourth group is UMNO members who join the party for personal gain. This group always think they are cleverer than the rest of UMNO members. Their ultimate objective is to become leaders in the party, hence the government. They think only they deserve to be wakil rakyat, exco and minister. They will do anything to ensure their personal ambition is achieved. We know who they are!

The fifth group is UMNO members who are neither loyal to the party nor the leaders, and neither for financial nor personal glory. They are in UMNO because they are asked to join in during recruitment drive and their yearly fees are paid for by someone. They never attend branch meeting, never get involved in party's activities and never bothered about what is happening in the party. We know who they are but they are way too many! It is very hard to predict who they vote for in the election. This group can make or break UMNO.

For the future of UMNO, current leadership must pay serious attention to all categories of UMNO members above.

To you Dr, keep on fighting for the betterment of the Malays and Malaysia.

ABSH